



19 Mac 2026
19 March 2026
P.U. (A) 134

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RAYUAN
(PINDAAN) 2026

*RULES OF THE COURT OF APPEAL
(AMENDMENT) 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RAYUAN (PINDAAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 17 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] dan dengan persetujuan Ketua Hakim Negara, Jawatankuasa Kaedah-Kaedah membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan (Pindaan) 2026**.

Pindaan kaedah 9

2. Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 [P.U. (A) 524/1994], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 9—

(a) dengan memotong subkaedah (2);

(b) dengan menggantikan subkaedah (3) dengan subkaedah yang berikut:

“(3) Jika semua pihak dalam rayuan itu bersetuju dengan penarikan balik rayuan yang dicadangkan itu, perayu boleh memfailkan dokumen yang menyatakan persetujuan itu dan yang ditandatangani oleh pihak-pihak atau oleh peguamcaranya di Pejabat Pendaftaran dan pada masa yang sama satu salinan notis di bawah subkaedah (1) hendaklah dihantar oleh perayu kepada Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi. Rayuan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan hendaklah dipotong daripada senarai rayuan oleh Pendaftar dan apa-apa jumlah wang yang diserahkan dalam Mahkamah sebagai jaminan kos rayuan itu hendaklah dibayar kepada perayu.”;

(c) dengan memasukkan selepas subkaedah (3) subkaedah yang berikut:

“(3A) Sekiranya responden tidak diwakili secara sah dan tidak dapat dikesan yang menyebabkan notis di bawah subkaedah (1) tidak ditandatangani, rayuan itu hendaklah ditarik balik di hadapan Mahkamah dengan dikemukakan bukti penyampaian notis itu.”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subkaedah (4) subkaedah yang berikut:

“(5) Pendaftar hendaklah memberitahu Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi mengenai penarikan balik notis itu.”.

Pindaan kaedah 17

3. Kaedah 17 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (1), dengan menggantikan perkataan “empat salinan” dengan perkataan “satu salinan”;

(b) dengan memotong subkaedah (2); dan

(c) dengan menggantikan subkaedah (4) dengan subkaedah yang berikut:

“(4) Pendaftar Mahkamah Tinggi hendaklah apabila menerima notis rayuan itu dan fi yang ditetapkan yang dikehendaki oleh subkaedah (1) diserahsimpan dalam Mahkamah memasukkan rayuan itu dalam senarai rayuan, dengan menyatakan dalam senarai itu tajuk kausa atau perkara itu, nama perayu dan peguamcaranya, jika ada, dan tarikh kemasukan itu, dan hendaklah memaklumkan Pendaftar di Putrajaya mengenai kemasukan itu.”.

Pindaan kaedah 18

4. Subkaedah 18(3) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Jadual Pertama” perkataan “dan ditandatangani oleh perayu atau peguamcara perayu”.

Pindaan kaedah 22

5. Kaedah 22 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Presiden” perkataan “Mahkamah Rayuan, dengan memfailkan Sijil Perakuan Segera dengan fi yang ditetapkan,”.

Pindaan kaedah 27

6. Subkaedah 27(2) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Jadual Pertama” perkataan “dan ditandatangani oleh pemohon atau peguamcara pemohon”.

Pindaan kaedah 28

7. Kaedah 28 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subkaedah (3) dengan subkaedah yang berikut:

“(3) Semua permohonan hendaklah dibuat dengan memfailkan satu salinan notis usul dan tiap-tiap affidavit yang dicadangkan untuk digunakan bagi menyokongnya. Suatu salinan dokumen itu hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran dan disampaikan kepada Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di tempat yang penghakiman, perintah atau keputusan yang diadukan itu telah diberikan atau dibuat. Salinan permohonan dan affidavit itu hendaklah disampaikan kepada semua pihak yang perlu pada masa yang sama. Pendaftar hendaklah mengikut suatu prosedur yang setakat yang boleh seumpama prosedur yang berhubungan dengan kemasukan rayuan. Apabila maklumat mengenai nombor permohonan dan dalam hal yang termasuk dalam subkaedah (4) maklumat mengenai tempat dan tarikh pendengaran diterima daripada Pendaftar, peguamcara pemohon itu hendaklah

dengan segera memberitahu responden dalam permohonan itu atau peguamcaranya.”; dan

(b) dengan menggantikan subkaedah (4) dengan subkaedah yang berikut:

“(4) Pada masa pemfailan apa-apa permohonan, peguamcara perayu boleh, dalam hal yang mustahak disegerakan, memohon secara bertulis kepada Presiden Mahkamah Rayuan, dengan memfailkan Sijil Perakuan Segera dengan fi yang ditetapkan, yang, jika dia berpuas hati bahawa ia adalah suatu kes wajar yang permohonan pendengarannya mustahak disegerakan, boleh memerintahkan permohonan itu didengar pada suatu masa yang sesuai bagi Mahkamah tetapi boleh menghendaki pemohon memberikan jaminan bagi kos responden daripada permohonan itu.”.

Pindaan kaedah 58

8. Subkaedah 58(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “suatu Notis Rayuan dan lapan salinannya. Suatu salinan Notis Rayuan hendaklah dihantar oleh perayu kepada Pendaftar Mahkamah Rayuan.” dengan perkataan “suatu Notis Rayuan.”.

Pindaan kaedah 59

9. Subkaedah 59(2) Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “dan lapan salinannya”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “menyerahkan borang itu atau menghantarnya melalui pos berdaftar kepada Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di tempat yang keputusan yang dirayukan itu telah diberikan, dan suatu salinan kepada Pendaftar Mahkamah Rayuan” dengan perkataan “memfailkan borang itu kepada Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di tempat yang keputusan yang dirayukan itu telah diberikan”.

Pindaan kaedah 60

10. Kaedah 60 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Notis itu dan tiga salinannya kepada Pendaftar Mahkamah di Putrajaya dan hendaklah menghantar satu salinannya kepada responden” dengan perkataan “Notis Rayuan itu kepada Pendaftar di Putrajaya dan hendaklah menghantar Notis Rayuan itu kepada responden”.

Pindaan kaedah 61

11. Kaedah 61 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (1), dengan menggantikan perkataan “tujuh salinan” dengan perkataan “salinan yang mencukupi”; dan

(b) dengan memotong perenggan (1)(d).

Pindaan kaedah 65

12. Kaedah 65 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (1), dengan memotong perkataan “dan lapan salinannya”; dan

(b) dengan menggantikan subkaedah (3) dengan subkaedah yang berikut:

“(3) Apabila diterima suatu Petisyen Rayuan, Pendaftar hendaklah mengemukakan Petisyen Rayuan itu kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi dan kepada responden.”.

Pindaan kaedah 69

13. Kaedah 69 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Semua permohonan kepada Mahkamah dalam rayuan belum selesai hendaklah dibuat dengan memfailkan Notis Usul dan tiap-tiap affidavit yang dicadangkan untuk digunakan bagi menyokong permohonan itu. Salinan dokumen yang mencukupi hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran dengan suatu salinan dikemukakan ke Mahkamah Tinggi di tempat yang penghakiman, perintah atau keputusan yang diadukan itu telah diberikan atau dibuat. Salinan permohonan dan affidavit itu hendaklah dihantar kepada semua pihak yang perlu pada masa yang sama.”; dan

(b) dalam subkaedah (2), dengan memotong perkataan “dan Pendaftar Mahkamah Tinggi”.

Pindaan kaedah 72

14. Kaedah 72 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (1), dengan memasukkan selepas perkataan “difailkan” perkataan “di Pejabat Pendaftaran”; dan

(b) dengan memotong subkaedah (3).

Pindaan kaedah 73

15. Kaedah 73 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Jika Perayu, pada bila-bila masa sebelum bermulanya pendengaran, berhasrat untuk menarik balik atau memberhentikan rayuannya, dia boleh berbuat demikian tanpa kebenaran Mahkamah dengan memfailkan notis dalam Borang 11 dalam Jadual Pertama dengan Pendaftar dan Pendaftar hendaklah memberitahu Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi mengenai penarikan balik itu.”.

Pindaan kaedah 81

16. Kaedah 81 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “secara bertulis” perkataan “atau melalui pemfailan elektronik”.

Penggantian kaedah 89

17. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 89 dengan kaedah yang berikut:

“Waktu pejabat. 89. Waktu pejabat bagi Pejabat Pendaftaran hendaklah dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang.”.

Pindaan kaedah 104

18. Kaedah 104 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong perkataan “saman atau”.

Dibuat 24 Februari 2026
[PKPMP.BD.600-1/5/26; PN(PU2)153/JLD.20]

Jawatankuasa Kaedah-Kaedah:

DATUK SERI UTAMA WAN AHMAD FARID BIN WAN SALLEH
Ketua Hakim Negara, Malaysia

DATUK SERI ABU BAKAR BIN JAIS
Presiden Mahkamah Rayuan, Malaysia

DATUK SERI HASHIM BIN HAMZAH
Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya

DATUK HAJAH AZIZAH BINTI HAJI NAWAWI
Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak

TUAN SHAMSUL BIN BOLHASSAN
bagi pihak Peguam Negara, Malaysia

TAN SRI DATUK NALLINI PATHMANATHAN
Hakim Mahkamah Persekutuan

DATUK WONG KIAN KHEONG
Hakim Mahkamah Rayuan

PUAN ALICE LOKE YEE CHING
Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya

TUAN DEAN WAYNE DALY
Hakim Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak

TUAN AZHANIZ TEH BIN AZMAN TEH
Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

DATO' MOHAMAD EZRI BIN ABDUL WAHAB
Peguam bela, Semenanjung Malaysia

DATUK MOHAMED NAZIM BIN MADUARIN
Peguam bela, Sabah

ENCIK GURVIR SINGH SANDHU
Peguam bela, Sarawak

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 17(5) Akta Mahkamah
Kehakiman 1964]*

COURTS OF JUDICATURE ACT 1964

RULES OF THE COURT OF APPEAL (AMENDMENT) 2026

IN exercise of the powers conferred by section 17 of the Courts of Judicature Act 1964 [Act 91] and with the consent of the Chief Justice, the Rules Committee makes the following rules:

Citation

1. These rules may be cited as the **Rules of the Court of Appeal (Amendment) 2026**.

Amendment of rule 9

2. The Rules of the Court of Appeal 1994 [P.U. (A) 524/1994], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 9—

(a) by deleting subrule (2);

(b) by substituting for subrule (3) the following subrule:

“(3) If all parties to the appeal consent to the intended withdrawal of the appeal, the appellant may file the documents signifying such consent and signed by the parties or by their solicitors in the Registry and at the same time one copy of such notice under subrule (1) shall be sent by the appellant to the Registry of the High Court. The appeal shall be deemed to have been withdrawn and shall be struck out of the list of appeals by the Registrar and any sum lodged in Court as security for the costs of the appeal shall be paid out to the appellant.”;

(c) by inserting after subrule (3) the following subrule:

“(3A) In the event the respondent is not legally represented and cannot be located resulting in the notice under subrule (1) unsigned,

the appeal shall be withdrawn before the Court with the proof of service of such notice being tendered.”; and

(d) by inserting after subrule (4) the following subrule:

“(5) The Registrar shall notify the Registry of the High Court of such withdrawal.”.

Amendment of rule 17

3. Rule 17 of the principal Rules is amended—

(a) in subrule (1), by substituting for the words “four copies” the words “one copy”;

(b) by deleting subrule (2); and

(c) by substituting for subrule (4) the following subrule:

“(4) The Registrar of the High Court shall on receiving the notice of appeal and the prescribed fee required by subrule (1) being lodged in Court enter the appeal in the list of appeals, stating therein the title of the cause or matter, the name of the appellant and his solicitors, if any, and the date of such entry, and shall inform the Registrar at Putrajaya of such entry.”.

Amendment of rule 18

4. Subrule 18(3) of the principal Rules is amended by inserting after the words “First Schedule” the words “and signed by the appellant or the appellant’s solicitor”.

Amendment of rule 22

5. Rule 22 of the principal Rules is amended by inserting after the word “President” the words “of the Court of Appeal, by filing a Certificate of Urgency with a prescribed fee,”.

Amendment of rule 27

6. Subrule 27(2) of the principal Rules is amended by inserting after the words “First Schedule” the words “and signed by the applicant or the applicant’s solicitor”.

Amendment of rule 28

7. Rule 28 of the principal Rules is amended—

(a) by substituting for subrule (3) the following subrule:

“(3) All applications shall be made by filing one copy of the notice of motion and of every affidavit intended to be used in support thereof. A copy of the said documents shall be filed in the Registry and served to the Registry of the High Court at the place where the judgment, order or decision complained of was given or made. Copies of such application and affidavits shall at the same time be served on all necessary parties. The Registrar shall follow a procedure similar so far as possible to the procedure relating to the entry of appeals. On receipt from the Registrar of information regarding the number of the application and in cases coming within subrule (4) the information on the place and date of hearing, the applicant’s solicitor shall immediately notify the respondents to the application or their solicitors.”; and

(b) by substituting for subrule (4) the following subrule:

“(4) At the time of filing any application, the appellant’s solicitor may, in the case of urgency, apply in writing to the President of the Court of Appeal, by filing a Certificate of Urgency with a prescribed fee, who, if satisfied that it is a proper case for an urgent hearing of the application, may order the application to be heard at such time convenient to the Court but may require the applicant to give security for the respondent’s costs of the application.”.

Amendment of rule 58

8. Subrule 58(1) of the principal Rules is amended by substituting for the words “a Notice of Appeal and eight copies thereof. A copy of the Notice of Appeal shall be sent by the appellant to the Registrar of the Court of Appeal.” the words “a Notice of Appeal.”.

Amendment of rule 59

9. Subrule 59(2) of the principal Rules is amended—

(a) by deleting the words “and eight copies thereof”; and

(b) by substituting for the words “deliver the same or send the same by registered post to the Registry of the High Court at the place where the decision appealed against was given, and a copy to the Registrar of the Court of Appeal” the words “file the same to the Registry of the High Court at the place where the decision appealed against was given”.

Amendment of rule 60

10. Rule 60 of the principal Rules is amended by substituting for the words “such Notice and three copies thereof to the Registrar of the Court at Putrajaya and shall send one copy thereof to the respondent” the words “such Notice of Appeal to the Registrar at Putrajaya and shall send such Notice of Appeal to the respondent”.

Amendment of rule 61

11. Rule 61 of the principal Rules is amended—

(a) in subrule (1), by substituting for the words “seven copies” the words “sufficient copies”; and

(b) by deleting paragraph (1)(d).

Amendment of rule 65

12. Rule 65 of the principal Rules is amended—

(a) in subrule (1), by deleting the words “and eight copies thereof”; and

(b) by substituting for subrule (3) the following subrule:

“(3) On receipt of a Petition of Appeal, the Registrar shall forward the Petition of Appeal to the Registrar of the High Court and to the respondent.”.

Amendment of rule 69

13. Rule 69 of the principal Rules is amended—

(a) by substituting for subrule (1) the following subrule:

“(1) All applications to the Court in pending appeals shall be made by filing the Notice of Motion and every affidavit intended to be used in support thereof. Sufficient copies of the documents shall be filed in the Registry with a copy to be forwarded to the High Court at the place where the judgment, order or decision complained of was given or made. Copies of such application and affidavits shall at the same time be sent to all necessary parties.”; and

(b) in subrule (2), by deleting the words “and the Registrar of the High Court”.

Amendment of rule 72

14. Rule 72 of the principal Rules is amended—

(a) in subrule (1), by inserting after the word “filed” the words “at the Registry”; and

(b) by deleting subrule (3).

Amendment of rule 73

15. Rule 73 of the principal Rules is amended by substituting for subrule (1) the following subrule:

“(1) Where an appellant, at any time before the commencement of the hearing, wishes to withdraw or discontinue his appeal, he may do so without the leave of the Court by filing with the Registrar a notice in Form 11 in the First Schedule and the Registrar shall notify the Registry of the High Court of such withdrawal.”.

Amendment of rule 81

16. Rule 81 of the principal Rules is amended by inserting after the words “in writing” the words “or through electronic filing”.

Substitution of rule 89

17. The principal Rules is amended by substituting for rule 89 the following rule:

“Office hours. 89. The office hours of the Registry shall be from 8.00 a.m. to 5.00 p.m..”.

Amendment of rule 104

18. Rule 104 of the principal Rules is amended by deleting the words “summons or”.

Made 24 February 2026
[PKPMP.BD.600-1/5/26; PN(PU2)153/JLD.20]

Rules Committee:

DATUK SERI UTAMA WAN AHMAD FARID BIN WAN SALLEH
Chief Justice, Malaysia

DATUK SERI ABU BAKAR BIN JAIS
President of the Court of Appeal, Malaysia

DATUK SERI HASHIM BIN HAMZAH
Chief Judge of the High Court in Malaya

DATUK HAJAH AZIZAH BINTI HAJI NAWAWI
Chief Judge of the High Court in Sabah and Sarawak

TUAN SHAMSUL BIN BOLHASSAN
on behalf of the Attorney General, Malaysia

TAN SRI DATUK NALLINI PATHMANATHAN
Judge of the Federal Court

DATUK WONG KIAN KHEONG
Judge of the Court of Appeal

PUAN ALICE LOKE YEE CHING
Judge of the High Court in Malaya

TUAN DEAN WAYNE DALY
Judge of the High Court in Sabah and Sarawak

TUAN AZHANIZ TEH BIN AZMAN TEH
Chief Registrar of the Federal Court

DATO' MOHAMAD EZRI BIN ABDUL WAHAB
Advocate, Peninsular Malaysia

DATUK MOHAMED NAZIM BIN MADUARIN
Advocate, Sabah

ENCIK GURVIR SINGH SANDHU
Advocate, Sarawak

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 17(5) of the Courts of Judicature Act 1964]